

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG
KAWASAN : LAWAS
TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' HENRY SUM AGONG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan Lebuhraya Pan Borneo dijalankan di kawasan daerah Lawas dan Limbang, dan di mana laluan atau jajaran sebenarnya jalan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang dalam proses memuktamadkan proses tender bagi Jalan Perhubungan Sarawak-Sabah (*Sarawak-Sabah Link Road*) yang tidak melalui negara Brunei Darussalam dengan jangkaan mula pembinaan pada tahun 2020. Jajaran Jalan Perhubungan Sarawak-Sabah (*Sarawak-Sabah Link Road*) akan dilaksanakan secara berperingkat yang akan merentasi kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak, iaitu melibatkan kawasan Baram, Limbang dan Lawas dan seterusnya menghubungkan ke negeri Sabah (Sindumin dan Long Pasia).

Sekian, terima kasih.